

# Utamakan kumpulan gred bawahan – CUEPACS

UM - 12/5/2007.

KUALA PERLIS 11 Mei – Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) hari ini meminta kerajaan memberi tumpuan dan keutamaan kepada kumpulan gred bawahan apabila membuat keputusan mengenai kenaikan gaji kakitangan awam.

Presidennya, Omar Osman berkata, kenaikan gaji bagi kumpulan sokongan II (Gred 1 hingga 16) perlu memandangkan mereka paling menerima kesan di atas peningkatan kos sara hidup masa kini.

Menurutnya, kenaikan gaji bagi kumpulan itu perlu supaya jurang antara mereka dengan kumpulan gred yang lebih tinggi tidak terlalu jauh.

“Kumpulan bawahan ini mengharung kehidupan lebih perit kerana dengan gaji serendah RM480 hingga RM1,000 sebulan, sudah pastilah mereka kurang upaya untuk menyara hidup.

“Akibatnya, wujudlah fenomena di mana kakitangan awam melakukan kerja-kerja sambilan untuk menampung hidup,” katanya kepada pemberita selepas meng-

hadiri Seminar Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Tempatan Semenanjung Malaysia (Anulae) Peringkat Kebangsaan di sini hari ini.

Menurut Omar, kajian tidak rasmi CUEPACS mendapati kira-kira 30 peratus daripada 1.2 juta kakitangan awam didapati melakukan kerja sambilan.

“Kita tidak mampu menghangatkan mereka (supaya tidak melakukan kerja sambilan) kalau mengambil kira kos sara hidup ketika ini jika gaji mereka masih pada sekitar RM480 hingga RM1,000. Jadi, kami mintalah kerajaan utamakan kumpulan ini apabila membuat keputusan (mengenai kenaikan gaji),” jelasnya.

Beliau bagaimanapun menyambut baik saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi supaya kerajaan realistik dalam membuat keputusan mengenai kenaikan gaji kakitangan awam dengan melihat kepada faktor kemampuan kerajaan, produktiviti dan ganjaran.

“Memang kerajaan perlu mengambil kira semua faktor itu tetapi kenaikan gaji mereka terutama kumpulan sokongan II amat



OMAR OSMAN

perlu jika mahu melihat kakitangan awam dapat memberi daya saing dan bekerja dengan lebih dedikasi,” katanya.

CUEPACS dalam satu memorandum kepada Perdana Menteri yang diserahkan pada 11 Januari lalu menuntut kerajaan membuat semakan gaji dengan kenaikan antara 20 dan 40 peratus.

Kongres itu mencadangkan kenaikan gaji 40 peratus untuk

kumpulan sokongan II (Gred 1-16) yang merupakan jawatan terendah dalam sektor awam, manakala kumpulan sokongan I (Gred 17-26 dan Gred 27-40) pula menikmati kenaikan sebanyak 30 peratus.

Bagi kumpulan pengurusan dan profesional (Gred 41-54), CUEPACS mencadangkan mereka diberi kenaikan gaji sebanyak 20 peratus manakala para penjawat Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) diberi kenaikan gaji sebanyak 10 peratus.

Perdana Menteri dijangka membuat pengumuman mengenai kenaikan gaji sektor awam itu sempena Perhimpunan Hari Pekerja Kakitangan Awam pada 21 Mei ini.

“Kami harap keputusan yang kemungkinan dibuat kerajaan pada 21 Mei ini dapat menggemibirkan kakitangan awam dan menyuntik semangat mereka untuk bekerja lebih kuat,” katanya.

Kali terakhir semakan gaji kakitangan awam dilakukan ialah pada 1992 dengan kenaikan gaji sebanyak lapan peratus manakala kali terakhir penyesuaian gaji pula dilakukan pada 2000.